

PRULink Golden Managed Fund II



Listening. Understanding. Delivering.

All data is as of 31 March 2026 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2026年3月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Mac 2026 melainkan jika dinyatakan

Objective / 目标 / Objektif Dana

An actively managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term, taking into account the liquidity needs of the fund to meet withdrawals as well as the need to meet guaranteed payouts. This is achieved by investing in shares and fixed interest securities through PRULink Golden Equity Fund II and PRULink Golden Bond Fund II and in any other PRULink Funds that may become available in the future as well as directly in selected fixed interest securities, corporate bonds and fixed deposits, and any other financial instruments to be used for hedging the portfolio.

PRULink Golden Managed Fund II 乃是一项积极管理的基金，目标为在中至长期内赚取最高的回酬，同时确保基金的流动性符合提兑与付给担保款额的需求。为达致此目标，基金通过 PRULink Golden Equity Fund II 与 PRULink Golden Bond Fund II 以及其他在未来推介的PRULink Funds 投资于股票与固定收益证券，以及直接投资于某些固定收益证券、企业债券、定期存款和其他套期保值的金融工具。

PRULink Golden Managed Fund II merupakan satu dana yang diuruskan secara aktif yang berusaha untuk memaksimumkan pulangan pada jangka sederhana dan panjang, dengan mengambil kira keperluan kecairan dana bagi memenuhi permintaan untuk pengeluaran dan juga keperluan bayaran terjamin. Matlamat ini dicapai dengan melabur dalam saham dan sekuriti faedah tetap menerusi dana PRULink Golden Equity Fund II dan dana PRULink Golden Bond Fund II dan mana-mana dana PRULink Fund yang mungkin disediakan pada masa depan dan juga secara langsung dalam sekuriti faedah tetap, bon-bon korporat dan simpanan tetap yang terpilih, dan mana-mana instrumen kewangan lain yang digunakan untuk melindungi nilai portfolio.

Fund Details / 基金详情 / Maklumat Terperinci Dana


Investment Manager / 投资经理 / Pengurus Pelaburan	Eastspring Investments Berhad 瀚亚投资有限公司
Inception Date / 基金设立日 / Tarikh Diterbitkan	02/10/2023
Current Fund Size / 目前所管理的基金数额 / Saiz Dana Terkini	RM5,717,352.08
Annual Fund Management Charge / 常年管理费 / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.10%
Current NAV / 目前的净资产值 / NAB Terkini	RM1.13877

How the Fund has performed / 基金表现 / Prestasi Dana

Performance Graph / 表现图表 / Jaduan Prestasi Dana

PRULink Golden Managed Fund II vs 20% FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM100) + 80% Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate

PRULink Golden Managed Fund II
20% FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM100) + 80% Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate



Total Price Movement Over the Following Periods / 各期限总价差 / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut


	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / 价差 / Pergerakan Harga	-0.53%	0.43%	1.54%	5.34%	NA	NA	13.88%
Benchmark / 基准指标 / Penanda Aras	-0.27%	0.54%	1.62%	5.39%	NA	NA	10.38%
Outperformance / 表现对比 / Perbezaan Prestasi	-0.26%	-0.11%	-0.08%	-0.05%	NA	NA	3.50%

Source / 资料来源 / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 31 March 2026

For more information on benchmark kindly refer to / 有关基准的更多详情，请参考 / Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.bursamalaysia.com/market and www.maybank2u.com.my

Where the Fund invests

基金投资所在
Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation / 资产配置 / Peruntukan Aset

	% NAV
1 PRULink Golden Bond Fund II	79.25
2 PRULink Golden Equity Fund II	20.68
3 Cash, Deposits & Others	0.07

PRULink Golden Equity Fund II Top 10 Holdings / 10大持股 10 Pegangan Teratas

	%
1 Malayan Banking Bhd	9.42
2 Cimb Group Holdings Bhd	8.54
3 Tenaga Nasional Bhd	8.52
4 Public Bank Bhd	8.29
5 Ihh Healthcare Bhd	4.75
6 Sime Darby Plantation Bhd	4.00
7 Telekom Malaysia Bhd	3.94
8 Rhb Bank Bhd	3.70
9 Press Metal Aluminium Holdings Bhd	3.35
10 Ammb Holdings Bhd	3.27

PRULink Golden Bond Fund II Top 10 Holdings / 10大持股 / 10 Pegangan Teratas

	%
1 UOB Malaysia Bhd	9.47
2 Government Investment Issues	7.01
3 Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	5.57
4 Kuala Lumpur Kepong Bhd	4.88
5 Cimb Group Holdings Bhd	4.69
6 Exsim Capital Resources Bhd	4.66
7 Ambank m Bhd	4.65
8 Sabah Development Bank Bhd*	4.65
9 Sabah Development Bank Bhd*	4.64
10 Malaysia Government Securities	4.59

* Different coupon rates & maturity dates for each.

All data is as of 31 March 2026 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2026年3月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Mac 2026 melainkan jika dinyatakan

Listening. Understanding. Delivering.

Monthly Update / 每月简报 / Peningkatan Bulanan

Market Review / 市场回顾 / Tinjauan Bulanan

Equity / 股票市场 / Ekuiti

Malaysian equities continued to correct in March due to the US-Iran conflict which started on 28 February and is entering its sixth week. In retaliation to US and Israel's attack, Iran has effectively closed the Straits of Hormuz allowing only certain vessels to pass, impacting global oil and gas supply, as approximately 20% of global supply comes through the Straits of Hormuz. In Malaysia, unsubsidised fuel at the pump has been feeling the brunt of the US-Iran conflict, as unsubsidised RON95 price has increased by 52% to RM3.87/litre, whilst unsubsidised diesel is priced at RM6.02/litre up 101% versus before the conflict. Moreover, the government has reduced the monthly subsidised petrol quota under the BUDI95 scheme from 300 litres to 200 litres beginning April. During the month, Sunway Healthcare IPO was listed on Bursa Malaysia and immediately added to the FBMKLCI index.

The FBMKLCI Index closed at 1,690.36, down 1.53% MoM. The FBM Small Cap index was down 7.09%, underperforming the FBMKLCI Index.

受2月28日爆发并持续六周的美伊冲突影响，马来西亚股市在3月份继续回调。为报复美国和以色列的袭击，伊朗实际上封锁霍尔木兹海峡，仅限部分船只通行，对全球油气供应造成冲击（全球约20%的供应经由该海峡运输）。在马来西亚，非补贴燃油价格受冲击最为显著，非补贴RON95汽油价格上涨52%至每公升3.87令吉；非补贴柴油价格上涨101%至每公升6.02令吉。此外，政府已将BUDI95计划下的每月补贴汽油配额由300公升下调至200公升，并自4月起生效。月内，双威医疗保健（Sunway Healthcare）于马来西亚证券交易所上市，并随即获纳入富时吉隆坡综合指数（FBMKLCI）。

富时隆综指收于1,690.36点，按月跌1.53%。富马小资本指数下跌7.09%，走势较隆综指逊色。

Ekuiti Malaysia terus mengalami pembetulan pada bulan Mac disebabkan oleh konflik AS-Iran yang bermula pada 28 Februari 2026, dan memasuki minggu keenam. Iran bertindak balas terhadap serangan AS dan Israel dengan menutup Selat Hormuz dan hanya membenarkan kapal-kapal tertentu sahaja melaluinya lantas memberi kesan kepada bekalan minyak dan gas global, kerana kira-kira 20% daripada bekalan global belayar melalui selat tersebut. Di Malaysia, bahan api tanpa subsidi di stesen minyak telah terjejas teruk akibat konflik AS-Iran, kerana harga RON95 tanpa subsidi telah meningkat sebanyak 52% kepada RM3.87/liter, manakala diesel di stesen minyak yang tanpa subsidi berharga RM6.02/liter, naik 101% berbanding sebelum konflik. Di samping itu, kerajaan telah mengurangkan kuota petrol bersubsidi bulanan di bawah skim BUDI95 daripada 300 liter kepada 200 liter mulai April 2026. Pada bulan ini, IPO Sunway Healthcare disenaraikan di Bursa Malaysia, lalu serta-merta tersenarai ke dalam indeks FBMKLCI.

Indeks FBMKLCI ditutup pada 1,690.36, turun 1.53% MoM. Indeks FBM Small Cap susut 7.09%, tidak mengatasi Indeks FBMKLCI.

Fixed Income / 固定收益市场 / Pendapatan Tetap

The Fed kept the federal funds target range unchanged at 3.50% to 3.75% in the March meeting, citing persistent core inflation and new geopolitical risks. In March, US nonfarm payrolls rose by 178k jobs (Feb: revised -133k), well above expectations of approximately 60k, driven by the resolution of labour strikes and weather-related normalisation. The unemployment rate edged down to 4.3% (Feb: 4.4%). Headline PCE Price Index eased to 2.8% in January (Dec: 2.9%), while core PCE Price Index rose to 3.1% (Dec: 3.0%), reflecting cooling goods prices alongside persistent services inflation. The University of Michigan Consumer Sentiment index fell sharply to 53.3 in March (Feb: 56.6), as short-term economic expectations weakened amid the Iran conflict and rising energy prices. Manufacturing PMI increased to 52.7 (Feb: 52.4), signalling continued expansion, while Service PMI declined to 54 (Feb: 56.1), indicating a moderation in service-sector activity.

In February, headline and core inflation slowed to 1.4% (Jan: 1.6%) and 2% (Jan: 2.3%) respectively, mainly reflecting easing core inflation, including lower price pressures from streaming services and rental. The unemployment rate remained unchanged at 2.9% in January. BNM's international reserves amounted to USD126.6bn as of 31 March (27 Feb: US\$128.3bn). The reserves position is sufficient to finance 4.6 months of imports and is 0.9x of the total short-term external debt. Meanwhile, the Ringgit depreciated 3.9% MoM against USD, closing at 4.046 at end-March (Feb: 3.893), driven by a sharp rebound in the USD, geopolitical-driven risk-off sentiment linked to the Middle East conflict and market expectations for US rate cuts being pushed out.

In March, Malaysia's MGS and GII yields rose by 12-23 bps, tracking firmer global yields amid escalating US-Iran conflict that lifted energy prices and revived inflation concerns. Foreign fund flows rebounded sharply, with net inflows of RM6.1 billion (Feb: -RM2.5 billion), bringing YTD net inflows to RM4.6 billion. Meanwhile, the 10Y USY yield jumped to 4.3166% as at end-March (Feb: 3.9375%) on renewed inflation concerns and reinforce a higher-for-longer rates narrative amid geopolitical risks.

美联储在3月会议上维持联邦基金利率目标区间于3.50%至3.75%不变，因核心通胀仍然顽固及新增地缘政治风险。3月份美国非农就业人数增加17.8万人（2月份修正后为减少13.3万人），显著高于约6万人的市场预期，主要受劳工罢工结束及天气因素消退带动。失业率小幅下降至4.3%（2月份为4.4%）。1月份总体个人消费支出（PCE）价格指数回落至2.8%（12月份为2.9%），而核心PCE价格指数升至3.1%（12月份为3.0%），显示商品价格降温，但服务业通胀仍具粘性。密歇根大学消费者信心指数在伊朗冲突及能源价格上涨背景下大幅下滑至53.3（2月份为56.6），反映短期经济预期转弱。制造业PMI升至52.7（2月：52.4），显示制造业延续扩张；服务业PMI降至54（2月：56.1），表明服务业活动有所放缓。

2月份总体通胀率和核心通胀率分别放缓至1.4%（1月份：1.6%）和2%（1月份：2.3%），主要受核心通胀回落带动，其中流媒体服务及租赁价格压力有所缓解。1月份失业率维持在2.9%不变。截至3月31日，马来西亚国家银行（BNM）国际储备为1,266亿美元（2月27日：1,283亿美元）。外储水平可覆盖4.6个月进口，相当于短期外债的0.9倍。与此同时，受美元显著反弹、中东冲突引发的避险情绪升温，以及市场对美国降息预期后移的影响，令吉兑美元按月贬值3.9%，3月底收报4.046（2月份：3.893）。

3月份，在美伊冲突升级推升能源价格并重燃通胀担忧的背景下，全球收益率走强，带动马来西亚政府证券（MGS）和政府投资票据（GII）收益率上行12至23个基点。外资资金流动显著回暖，录得净流入达61亿令吉（2月份为净流出25亿令吉），使年初至今净流入累计达46亿令吉。与此同时，受通胀预期再度升温影响，10年期美国国债收益率于3月底攀升至4.3166%（2月份为3.9375%），并在地缘政治风险扰动下，进一步强化了利率“更高且更久”的市场叙事。

Rizab Persekutuan mengekalkan julat sasaran dana persekutuan pada 3.50% hingga 3.75% menerusi mesyuarat Mac, memetik inflasi teras yang berterusan dan risiko baharu geopolitik. Pada Mac, gaji sektor bukan perladangan AS meningkat sebanyak 178 ribu pekerjaan (Feb: disemak semula -133 ribu), jauh melangkaui jangkaan kira-kira 60 ribu, didorong dengan berakhirnya mogok tenaga kerja dan normalisasi berkaitan cuaca. Kadar pengangguran menyusut sedikit kepada 4.3% (Feb: 4.4%). Indeks Harga PCE Keseluruhan turun kepada 2.8% pada Januari (Dis: 2.9%), manakala Indeks Harga PCE teras meningkat kepada 3.1% (Dis: 3.0%), mencerminkan harga barangan yang menyejuk di samping inflasi perkhidmatan yang berterusan. Indeks University of Michigan Consumer Sentiment jatuh mendadak kepada 53.3 pada Mac (Feb: 56.6), apabila jangkaan ekonomi jangka pendek merosot di tengah-tengah konflik Iran dan kenaikan harga tenaga. PMI Pembuatan meningkat kepada 52.7 (Feb: 52.4), menandakan pengembangan berterusan, manakala PMI Perkhidmatan menyusut kepada 54 (Feb: 56.1), menunjukkan penyederhanaan dalam aktiviti sektor perkhidmatan.

All data is as of 31 March 2026 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2026年3月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Mac 2026 melainkan jika dinyatakan

Pada Februari, inflasi keseluruhan dan teras masing-masing menyusut kepada 1.4% (Jan: 1.6%) dan 2% (Jan: 2.3%), mencerminkan pengurangan inflasi teras terutama sekali, termasuk tekanan harga yang lebih rendah daripada perkhidmatan penstriman dan sewaan. Kadar pengangguran kekal pada 2.9% pada Januari. Rizab antarabangsa BNM berjumlah USD126.6 bilion pada 31 Mac (27 Feb: USD128.3 bilion). Kedudukan rizab mencukupi untuk membiayai 4.6 bulan import dan 0.9x daripada jumlah hutang luar jangka pendek. Sementara itu, Ringgit menyusut nilai sebanyak 3.9% MoM berbanding USD, ditutup pada 4.046 pada akhir Mac (Feb: 3.893), didorong oleh lonjakan mendadak USD, sentimen pengurangan risiko yang didorong oleh geopolitik terkait dengan konflik Timur Tengah dan jangkaan pasaran terhadap pemotongan kadar AS yang ditolak.

Pada bulan Mac, hasil MGS dan GII Malaysia meningkat sebanyak 12-23 mata asas, menjejaki hasil global yang lebih kukuh di tengah-tengah peningkatan konflik AS-Iran yang meningkatkan harga tenaga dan membangkitkan semula kebimbangan inflasi. Aliran dana asing mendadak pulih, dengan aliran masuk bersih berjumlah RM6.1 bilion (Feb: -RM2.5 bilion), lalu menjadikan aliran masuk bersih YTD kepada RM4.6 bilion. Sementara itu, hasil UST 10 tahun melonjak kepada 4.3166% pada akhir Mac (Feb: 3.9375%) lantaran kebimbangan baru tentang inflasi sekali gus mengukuhkan naratif kadar yang lebih tinggi untuk jangka masa panjang di tengah-tengah risiko geopolitik.

Market Outlook / 市场展望 / Gambaran Bulanan

Equity / 股票市场 / Ekuiti

The US-Iran conflict could escalate over the following week as US President Trump threatens to bomb power infrastructure and bridges if Iran does not concede to the US President's demands. Putting boots on the ground would be a serious escalation and could potentially prolong the conflict and put at risk more oil and gas facilities in the Middle East region as Iran retaliates, looking to strike the US where it hurts the most via oil and gas prices.

Domestically, the Malaysian government has started to take pre-emptive measures to address the oil and gas supply shocks. Policy measures such as BUDI95 enable Malaysians to get access to subsidised petrol and allow certain civil servants and GLCs to work from home in an effort to reduce petrol consumption. However, diesel price at the pump is unsubsidised and is already double in price from five weeks ago. This will have a large impact on any sector that relies on heavy machinery and does not have allowance for subsidised diesel. Consumer spending will also be kept in check as it bites into household disposable income, and civil servants working from home would be negative for small businesses and reduce consumption and economic activities. Nevertheless, Malaysia should be relatively in a better position than our peers, as a nation that is a net exporter of oil and gas. The negative impact of higher oil prices, though, could result in higher subsidies the government will need to bear. BNM's latest Annual Report GDP growth forecast for 2026 widened to 4-5.0% and cites resilient domestic consumption, but mindful of the external headwinds.

We remain cautiously optimistic on the outlook for equities in 2026. Any market weakness is an opportunity to accumulate fundamentally strong stocks at attractive valuations.

美伊冲突或在未来一周进一步升级。美国总统特朗普表示，若伊朗不满足其要求，将打击其电力基础设施及桥梁。一旦美国出动地面部队，将构成显著升级，或延长冲突周期，并在伊朗潜在报复行动下，使中东地区更多油气设施面临风险。伊朗或通过推升油气价格这一对美施压的关键路径展开反制。

在国内方面，马来西亚政府已开始采取前瞻性措施以应对油气供应冲击。包括BUDI95在内的政策，使民众能够获得汽油补贴，并允许部分公务员及官联公司员工居家办公，以降低燃油消耗。然而，柴油零售价格已完全市场化，目前较五周前已翻倍。这将对依赖重型机械且无法获得柴油补贴的行业构成显著冲击。与此同时，家庭可支配收入受到挤压将抑制消费支出；同时，公务员居家办公亦不利于中小企业，进而拖累消费及经济活动。尽管如此，作为油气净出口国，马来西亚相较区域经济体仍具一定缓冲优势。然而，油价上涨亦可能推高政府补贴负担。马来西亚国家银行在最新年度报告中，将2026年国内生产总值（GDP）增长预测区间调整至4%-5.0%，并指出国内消费仍具韧性，但同时需警惕外部不确定性带来的下行风险。

我们对2026年股票市场前景维持审慎乐观态度。任何市场回调均为布局基本面稳健、估值具吸引力个股的良机。

Konflik AS-Iran mungkin memuncak pada minggu hadapan apabila Presiden AS, Trump, mengancam untuk mengebom infrastruktur tenaga dan jambatan jika Iran tidak akur dengan tuntutan Presiden AS. Keberadaan pasukan ketenteraan di zon konflik adalah sesuatu yang serius dan berpotensi memanjangkan konflik lalu mengancam keselamatan fasiliti minyak dan gas di rantau Timur Tengah, apabila Iran bertindak balas dengan menyasarkan punca yang memberi kesan paling ketara kepada AS melalui harga minyak dan gas.

Di dalam negeri, kerajaan Malaysia memulakan langkah pencegahan untuk menangani kejutan bekalan minyak dan gas. Langkah-langkah dasar seperti BUDI95 membolehkan rakyat Malaysia mendapat akses kepada petrol bersubsidi dan membenarkan penjawat awam dan GLC tertentu bekerja dari rumah dalam usaha untuk mengurangkan penggunaan petrol. Namun begitu, harga diesel di stesen minyak tidak disubsidi dan naik dua kali ganda berbanding lima minggu lalu. Ia akan memberi impak yang besar kepada mana-mana sektor yang bergantung kepada jentera berat dan tiada elaun untuk diesel bersubsidi. Perbelanjaan pengguna juga akan dikawal kerana ia menjejaskan pendapatan boleh guna isi rumah, dan penjawat awam yang bekerja dari rumah akan memberi kesan negatif kepada perniagaan kecil lantaran berkurangnya penggunaan dan aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, Malaysia patut berada dalam kedudukan yang lebih baik berbanding rakan serantau kerana ia sebuah negara yang merupakan pengeksport bersih minyak dan gas. Namun begitu, kesan negatif ekoran harga minyak yang lebih tinggi boleh mengakibatkan subsidi yang lebih tinggi perlu ditanggung oleh kerajaan. Laporan Tahunan terkini BNM meramalkan pertumbuhan KDNK bagi tahun 2026 melebar kepada 4-5.0% dan memetik penggunaan domestik yang mampan, namun maklum tentang halangan luaran.

Kami kekal optimistik sambil berhati-hati terhadap prospek ekuiti pada tahun 2026. Apa-apa kelemahan pasaran merupakan peluang untuk mengumpul stok berasas kukuh pada penilaian yang menarik.

Fixed Income / 固定收益市场 / Pendapatan Tetap

Following the March FOMC meeting, the Fed held rates at 3.50% to 3.75%, acknowledging elevated inflation and Middle East-related uncertainties, and signalled that policy easing is likely delayed. Market pricing now implies at most one cut in late 2026, with some scenarios pricing no cuts this year, reinforcing a higher-for-longer stance. The escalation in the Middle East and the disruption to the Strait of Hormuz triggered a sharp rise in energy prices, keeping bond yields elevated and complicating the inflation outlook, thereby further reducing the likelihood of near-term easing. Nonetheless, the committee reiterated its data-dependent approach to the timing and extent of any further policy adjustments. Meanwhile, Kevin Warsh's nomination to succeed Chair Powell has reinforced expectations of a more focused on balance-sheet reduction, even if rate cuts eventually materialise. In parallel, the Supreme Court's February ruling striking down most reciprocal tariffs has reshaped US trade policy implementation, adding another layer of policy and geopolitical uncertainty to an already fragile global environment. Structural shifts in China, persistent US fiscal concerns, rising geoeconomic conflict, trade fragmentation and geopolitical tensions continue to weigh on the global outlook.

Based on BNM's annual report 2025, Malaysia's economy is expected to expand by 4% to 5% in 2026, underpinned by firm domestic demand, robust labour market conditions, ongoing investment realisation and a diversified external sector, despite external headwinds. Headline inflation is projected at 1.5% to 2.5%, with underlying pressures remaining broadly stable, supported by steady demand and domestic policy measures, although subject to global cost and geopolitical uncertainties. The current monetary policy narrative suggests that the OPR is likely to remain at 2.75% in the near term, as monetary policy continues to balance price stability with

All data is as of 31 March 2026 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2026年3月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Mac 2026 melainkan jika dinyatakan

support for sustainable growth, while remaining data-dependent amid external uncertainties.

Three auctions are expected in the month of April: the 30-yr MGS 7/55 reopening, 3.5-yr MGII 10/29 new issuance and 20-yr MGS 04/46 new issuance. While there is ample liquidity in the system, the outcome of these auctions is likely to be influenced by prevailing market sentiment both from local and foreign investors. On the corporate front, we expect demand to remain resilient given institutional demand for bonds even though we have seen spreads being compressed significantly.

在3月联邦公开市场委员会 (FOMC) 会议后，美联储将政策利率维持在3.50%至3.75%区间，承认通胀仍处高位及中东局势带来的不确定性，并暗示宽松周期或将进一步推迟。当前市场定价显示，最多仅在2026年末进行一次降息，部分情景甚至未计入年内降息预期，进一步强化了“更高且更久”的利率路径判断。中东局势升级及霍尔木兹海峡运输受扰推动能源价格显著上行，使债券收益率维持高位，并加剧通胀前景的不确定性，从而进一步降低短期内政策转向宽松的可能性。尽管如此，美联储仍将依据数据表现来决定后续政策调整的时点与幅度。与此同时，凯文·沃什获提名接替鲍威尔，强化了市场对政策重心或更偏向资产负债表收缩的预期，即便未来利率下调最终落地亦是如此。另一方面，美国最高法院于2月裁定推翻大部分对等关税安排，重塑美国贸易政策执行路径，为本已脆弱的全球环境增添新的政策与地缘政治不确定性。总体而言，中国结构性调整持续推进、美国财政问题持续存在、地缘经济冲突加剧、贸易碎片化加深以及地缘政治紧张局势升温，均持续对全球经济前景构成压力。

根据马来西亚国家银行 (BNM) 2025年年度报告，尽管面临外部不利因素，在强劲的国内需求、稳健的劳动力市场、持续推进的投资落地以及多元化外需结构的支撑下，马来西亚经济预计将在2026年实现4%至5%的增长。通胀方面，整体通胀率预计为1.5%至2.5%。在需求保持稳定及国内政策措施支撑下，潜在通胀压力整体可控，但仍受全球成本上行及地缘政治不确定性的影响。货币政策方面，当前政策叙事显示，隔夜政策利率 (OPR) 短期内大概率维持在2.75%。在外部不确定性背景下，货币政策将继续在价格稳定与支持可持续增长之间取得平衡，并维持以数据为导向的决策框架。

预计2026年4月将进行三场债券招标，包括30年期大马政府债券 (MGS) 7/55超额发行、3.5年期大马政府投资票据 (MGII) 10/29及20年期MGS 04/46全新发行。尽管市场流动性充裕，招标结果料将受到本地及外资投资者市场情绪的影响。企业债方面，尽管信用利差已明显压缩，但在机构配置需求支撑下，整体需求预计仍将保持稳健。

Menyusul mesyuarat FOMC Mac, Rizab Persekutuan mengekalkan kadar faedah pada 3.50% hingga 3.75%, mengakui inflasi yang tinggi dan ketidakpastian terkait Timur Tengah, dan memberi isyarat pelonggaran dasar mungkin ditangguhkan. Penentuan harga pasaran kini membayangkan paling banyak pun hanya satu pemotongan pada akhir 2026, dengan beberapa senario menentahkannya tiada pemotongan di tahun ini, lalu mengukuhkan pendirian kadar yang lebih tinggi untuk jangka masa lebih lama. Keruncingan di Timur Tengah dan gangguan terhadap Selat Hormuz mencetuskan kenaikan melulu harga tenaga, lantas mengekalkan hasil bon yang tinggi dan merumitkan prospek inflasi, sekali gus mengurangkan lagi kemungkinan pelonggaran dalam jangka pendek. Walau bagaimanapun, jawatankuasa tersebut mengulangi pendekatannya yang bergantung pada data ke atas pemasaan dan tahap apa-apa pelarasan dasar selanjutnya. Sementara itu, pencalonan Kevin Warsh untuk menggantikan Pengerusi Powell telah mengukuhkan jangkaan yang fokus kepada pengurangan kunci kira-kira, meskipun pemotongan kadar dilaksanakan juga akhirnya. Di samping itu, keputusan Mahkamah Agung yang membatalkan kebanyakan tarif timbal balik pada Februari telah membentuk semula pelaksanaan dasar perdagangan AS, lantas menebalkan lagi ketidakpastian dasar dan geopolitik kepada persekitaran global yang sedia rapuh. Perubahan struktur di China, kebimbangan tentang fiskal AS yang berterusan, konflik geoeonomi yang semakin meruncing, pemecahan perdagangan dan ketegangan geopolitik terus memberi kesan kepada prospek global.

Berdasarkan laporan tahunan 2025 BNM, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sebanyak 4% hingga 5% pada tahun 2026, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, keadaan pasaran buruh yang teguh, realisasi pelaburan yang berterusan dan kepelbagaian sektor luaran, meskipun terdapat halangan luaran. Inflasi keseluruhan diunjurkan pada 1.5% hingga 2.5%, dengan tekanan asas kekal stabil secara amnya, disokong oleh permintaan yang mantap dan langkah-langkah dasar domestik, walaupun tertakluk kepada ketidakpastian kos global dan geopolitik. Naratif dasar monetari semasa menunjukkan bahawa OPR berkemungkinan kekal pada 2.75% dalam jangka masa terdekat, memandangkan dasar monetari terus mengimbangi kestabilan harga dengan sokongan kepada pertumbuhan yang mampan, sambil mengekalkan kebergantungan pada data di tengah-tengah ketidakpastian luaran.

Tiga lelongan dijangka akan diadakan pada April: pembukaan semula MGS 7/55 30 tahun, terbitan baharu MGII 10/29 3.5 tahun dan terbitan baharu MGS 04/46 20 tahun. Meskipun kecairan lebih dari mencukupi dalam sistem, hasil lelongan ini berkemungkinan dipengaruhi oleh sentimen pasaran semasa daripada pelabur tempatan dan asing. Meninjau sektor korporat, kami menjangkakan permintaan akan kekal berdaya tahan memandangkan permintaan institusi ke atas bon walaupun spread dilihat termampat dengan ketara.

Fund Review & Strategy / 基金表现评论与投资策略 / Tinjauan dan Strategi Dana

The Fund returned -0.53% for the month, underperforming the benchmark return of -0.27% by 0.26%. Year-to-date, the Fund returned 0.43%, underperforming the benchmark return of 0.54% by 0.11%.

For equity, the underperformance was due to holdings in materials, telecommunication, consumer and underweight in energy-related, healthcare and plantation stocks. For fixed income, the market experienced a decline over the month, driven by global risk-off sentiment from the conflict in West Asia. Domestic yields moved higher in tandem with global bond yields, as the conflict-related surge in oil prices has heightened global inflationary pressures. The Fund's exposure to bonds, which saw yields rise, negatively impacted returns for the period.

As of end-March 2026, the Fund has 20.7% exposure in equity and 79.3% in bonds (versus Neutral position of 20:80 equity:bond).

本基金月内交出-0.53%回酬，基准的是-0.27%，所以跑输基准0.26%。年度至今，基金取得0.43%回酬，较回酬为0.54%的基准逊色0.11%。

股票投资跑输基准，是因为材料、电信及消费板块配置拖累，以及能源、医疗及种植板块低配所致。固定收益投资方面，该市场月内下跌，主要受西亚冲突引发的全球避险情绪影响。受冲突推动的油价飙升加剧全球通胀压力，带动国内收益率与全球债券收益率同步上行。本基金债券配置在收益率上涨环境下承压，对期间回报形成拖累。

截至2026年3月底，此基金在股票的投资比重为20.7%，债券的是79.3%（对比20:80股票：债券的中和部署）。

Dana menyajikan pulangan -0.53% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras -0.27% dengan perbezaan 0.26%. Sejak awal tahun hingga bulan tinjauan, Dana mencatat pulangan 0.43%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 0.54% dengan perbezaan 0.11%.

Meninjau ekuiti, prestasi hambar Dana disebabkan oleh pegangan dalam bahan, telekomunikasi, pengguna serta kekurangan pegangan dalam stok berkaitan tenaga, penjagaan kesihatan dan pertanian. Menyorot pendapatan tetap, pasaran ini mengalami penurunan pada bulan ini, oleh kerana sentimen penghindaran risiko global yang meluas berikutan konflik di Asia Barat. Hasil domestik bergerak lebih tinggi seiring dengan hasil bon global, berikutan perkaitan konflik ini telah melonjakkan harga minyak lalu meningkatkan tekanan inflasi global. Pendedahan Dana kepada bon, yang menyaksikan peningkatan hasil, memberi kesan negatif kepada pulangan untuk tempoh tersebut.

Setakat akhir Mac 2026, Dana mempunyai pendedahan 20.7% dalam ekuiti dan 79.3% dalam bon (berbanding kedudukan Neutral 20:80 ekuiti:bon).

PRULink Golden Managed Fund II



Listening. Understanding. Delivering.

All data is as of 31 March 2026 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2026年3月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Mac 2026 melainkan jika dinyatakan

Source / 资料来源 / Sumber: Fund Commentary, March 2026, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

All data is as of last valuation date of the month.

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. Prudential Investment-linked products are not Shariah-compliant products. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of any discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail. In case of discrepancy between the English, Bahasa Malaysia and Mandarin versions of this fact sheet, the English version shall prevail. The fund fact sheet of the Target Fund will be available at www.prudential.com.my.

任何投资皆涉及投资风险,包括本金的损失,单位的价值可能会扬升也会走低。基金和基金经理过往的表现不可视为未来表现的指标。上述所示的回报并不反映您投资的真实回报(后者取决于您的保费分配率与费用)。您所投资的保费的真实回报将根据有关投资联结基金的表现而定。保诚投资联结保险产品系列并非符合回教法典的产品。您保费投资的真实回报可能会低于上述回报。本册子只供说明之用。欲进一步了解条款与细则,请参考保单文件。如何投资于这些基金的资料则载于产品册子。如果本说明书的资料与保单文件有所出入,将以保单文件者为准。若说明书的英文、马来文和中文版有差异则以英文版为准。有关目标基金的基金说明书,请浏览 www.prudential.com.my。

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Produk berkaitan pelaburan Prudential bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad. Jika terdapat perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi helaian fakta ini, versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad. Lembaran Fakta Dana untuk Dana Sasaran akan tersedia di www.prudential.com.my